

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 8 MAC 2015 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Cadang pasang alat kawalan had laju	Mingguan Malaysia
2	Maximum speed limit for private cars proposed	New Sunday Times
3	Tukar kata laluan elak digodam	Metro Ahad
4	MetMalaysia nafi keluar amaran tsunami	Metro Ahad
5	Jabatan Meteorologi Malaysia nafi keluar amaran tsunami	Bernama.com

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 18  
TARIKH: 8 MAC 2015 (AHAD)**

Libatkan kenderaan biasa, berat dan awam

# Cadang pasang alat kawal had laju

Oleh FARABI SHEIKH SAID  
**AL JABRI**

pengarang@utusan.com.my


■ SEREMBAN 7 MAC

**K**EMALANGAN jalan raya di negara ini mampu dikurangkan jika kenderaan di negara ini dilengkapskan dengan alat yang dapat mengawal had laju.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah menjelaskan, kelajuan adalah satu faktor yang menjadi penyumbang terhadap kemalangan.

"Saya kurang percaya sikap menjadi penyumbang nahas. Bagi mengatasi masalah ini, yang pertama sudah tentu kena ada undang-undang dan dilaksanakan, yang kedua pula melibatkan penggunaan teknologi sedia ada.

"Contohnya, kita percaya kelajuan boleh membunuh. Jadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar kenderaan di Malaysia dileng-



**ABU BAKAR MOHAMAD DIAH**

kapi dengan alat kawal laju supaya tidak melebihi 110 kilometer sejam kerana undang-undang memerlukan sedemikian," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Program Kreativiti dan Sains 4U, Zon Selatan di Sekolah Menengah Teknik Tuanku Ja'afar, Ampangan,

dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya dan Pengarah Jabatan Pendidikan negeri, Datuk Kalsom Khalid.

Menurut Abu Bakar, jika cadangan itu diterima dan dilaksana, Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang mengehadkan kelajuan kenderaan mengikut had laju undang-undang kebangsaan.

Bagaimanpun, katanya, cadangan itu melibatkan kenderaan biasa, berat dan awam tanpa melibatkan kenderaan pasukan penguasa.

Katanya, kementerian boleh membekalkan alatan tersebut yang harganya dianggarkan kurang daripada RM500 dan boleh dipasang bila-bila masa sahaja.

"Sama ada hendak atau tidak sahaja. Saya hanya mencadangkan kerana ini adalah alat biasa dan tidak memerlukan penyelidikan," katanya.

# Maximum speed limit for private cars proposed

## REDUCING ROAD

**FATALITIES:** Science, Technology and Innovation Ministry suggests setting a maximum speed limit of 110kph

SEREMBAN

The Science, Technology and Innovation Ministry has suggested setting a maximum speed limit of 110kph for all private cars in an effort to reduce the rising accidents and fatalities in the country.

Its deputy minister, Datuk Abu Bakar Mohamad Diah said it was important to have laws in tandem with technology to ensure that the authority's efforts in reducing the number of accidents nationwide was a success.

"Malaysia should lead the way in setting a speed limit for vehicles on the road," he said after launching the Creativity and Science 4U programme at SM Teknik Tuanku Jaafar here.

"This also includes buses as there are many road accidents involving express buses."

He said imported cars should also comply with the speed limit by fixing a speed limit controller, failing which they should not be allowed on the road.

"Vehicles entering from neighbouring countries such as Singapore and Thailand should also observe the speed limit," he said, adding that vehicles such as ambulances, fire



Datuk Abu Bakar Mohamad Diah speaking to students after launching the Creativity and Science 4U programme at SM Teknik Tuanku Jaafar in Seremban.

engines and police cars could be allowed a higher speed limit.

"We are suggesting this to the government and if it is accepted, we will assist in ensuring the cars comply with the speed limit," he said.

Abu Bakar said installing the speed limit controller was cheaper than spending on enforcement and it would also save lives.

"Of late, there have been many

serious accidents involving fatalities," he said, adding that a national speed limit of 110kph would also help motorists save fuel.

Meanwhile, Abu Bakar said the ministry would carry out a campaign among 200,000 students from both primary and secondary schools to encourage their interest in science.

"We are hoping to produce 72 sci-

entists for every 10,000 population," he said.

He said more activities would be conducted in rural areas to expose students to technology.

"It is also important for teachers to be creative in the classrooms so that students can understand how science and technology can make their life easier," Abu Bakar said.

## Tukar kata laluan elak digodam



ANDA  
TANYA ?  
PPIM JAWAB

Datuk Nadzim Johan

❓ Saya adalah pengguna perbankan Internet. Apakah langkah yang perlu saya ikuti supaya keselamatan akaun saya terjamin?

RAHMAN, MERSING

❗ Pelbagai cara digunakan oleh individu tertentu untuk menggodam akaun seseorang melalui perbankan Internet, terutama melalui aplikasi dalam telefon pintar.

Sebagai pengguna, anda perlu pastikan kata laluan disimpan atau ditukar jika tidak selamat.

Kemudian, pastikan alamat http:// pada URL adalah betul serta jangan gunakan jika gajet atau komputer anda berisiko

dijangkiti virus.

Selain itu, pastikan anda keluar sepenuhnya selepas selesai urusan sesi perbankan.

Anda juga dinasihatkan supaya jangan tinggalkan gajet atau komputer tanpa pengawasan ketika melakukan transaksi perbankan Internet.

Jika berlaku sebarang masalah, sila laporan kepada institusi kewangan berkaitan dan Cyber Security Malaysia.

**KERATAN AKHBAR  
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 4  
TARIKH: 9 MAC 2015 (AHAD)**

**Kuala Lumpur**

**MetMalaysia nafi  
keluar amaran  
tsunami**

Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) semalam menafikan mengeluarkan amaran bahawa tsunami akan melanda Pulau Pinang, Langkawi dan Perlis seperti yang tersebar di Internet.


Justeru, jabatan itu dalam keadaan akhbar di sini menasihati orang ramai supaya tidak mudah mempercayai sebarang nasihat atau amaran yang tersebar dalam media sosial yang sumbernya bukan daripada MetMalaysia.

“Untuk pengesahan maklumat sila rujuk laman sesawang MetMalaysia di <http://www.met.gov.my> atau web rasmi m.met.gov.my atau facebook <https://www.facebook.com/malaysiamet>,” menurut kenyataan itu.

Orang ramai juga boleh merujuk laman Twitter jabatan itu di <https://twitter.com/malaysiamet> atau hubungi MetMalaysia hotline di talian 1-300-22-1MET (1638).

- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 8 MAC 2015 (AHAD)**



## **Jabatan Meteorologi Malaysia Nafi Keluar Amaran Tsunami**

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia** (**MetMalaysia**) hari ini menafikan telah mengeluarkan amaran bahawa tsunami akan melanda Pulau Pinang, Langkawi dan Perlis seperti yang tersebar di internet.

Justeru, jabatan itu dalam kenyataan akhbar di sini menasihati orang ramai supaya tidak mudah mempercayai sebarang nasihat atau amaran yang tersebar dalam media sosial yang sumbernya bukan daripada MetMalaysia.

"Untuk pengesahan maklumat sila rujuk laman sesawang MetMalaysia di <http://www.met.gov.my> atau mobile web rasmi m.met.gov.my atau facebook <https://www.facebook.com/malaysiamet>," menurut kenyataan itu.

Orang ramai juga boleh merujuk laman twitter jabatan itu di <https://twitter.com/malaysiamet> atau hubungi MetMalaysia hotline di talian 1-300-22-1MET (1638).

Dakwaan mengenai tsunami akan melanda Pulau Pinang, Langkawi dan Perlis itu tersebar di laman sosial pada Jumaat.

-- BERNAMA